LATIHAN PENGUKUHAN INVENSI DAN INOVASI

1.Tanda (/) bagi definisi invensi dan inovasi yang betul dan (X) yang salah pada petak yang disediakan

Invensi ialah kaedah dan proses mencari jalan untuk menghasilkan produk atau perkhidmatan yang baharu serta belum pernah wujud sebelumnya	
Invensi ialah pengubahsuaian terhadap produk sedia ada supaya menjadi lebih baik, menjimatkan, bertenaga, dan bermakna serta mesra pengguna.	
Inovasi ialah kaedah dan proses mencari jalan untuk menghasilkan produk atau perkhidmatan yang baharu serta belum pernah wujud sebelumnya.	
Inovasi ialah pengubahsuaian terhadap produk sedia ada supaya menjadi lebih baik, menjimatkan, bertenaga, dan bermakna serta mesra pengguna	

2. Tanda (/) bagi huraian berkaitan pengesan ergo (ergo sensor) yang betul dan (X) bagi yang salah

Alat ini dapat menunjukkan kedudukan badan lurus atau bongkok.	
Alat ini menggalakkan kita sentiasa bergerak	
Alat ini dapat mengelakkan punggung, pinggang, dan mata menjadi letih	
Alat ini memaparkan maklumat pada telefon pintar untuk memberitahu masa sesuai untuk berdiri dan berehat.	
Alat ini dapat memutuskan kuasa bekalan elektrik secara manual apabila pengguna telah meninggalkan papar skrin tersebut	

3.

A Invensi

B Inovasi

Padankan invensi dan inovasi dengan menulis **A** dan **B** pada petak yang disediakan.

Berlaku apabila terdapat penambahbaikan terhadap fungsi, corak, sistem atau rupa bentuk sesuatu produk.	
Proses mencari jalan untuk menghasilkan produk yang belum pernah wujud sebelumnya	
Tujuannya adalah untuk menjadikan produk itu berfungsi secara paling maksimum pada kos yang munasabah	

LIVEWORKSHEETS